

# PM akan isytihar penubuhan Lembaga Zakat Antarabangsa

Daripada SOPHA SULAIMAN

JAKARTA 15 Okt. - Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengisytiharkan penubuhan Lembaga Zakat Antarabangsa pada 28 November ini.

Perdana Menteri akan membuat perisytiharan tersebut sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Agama Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura

(Mabim) yang akan berlangsung di Kuala Lumpur dari 27 hingga 30 November ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md Zin berkata, lembaga tersebut akan membuka keahliannya kepada negara yang berminat terutama dalam kalangan OIC.

"Malaysia kini bekerjasama dengan Arab Saudi untuk mewujudkan lembaga zakat berkenaan," katanya selepas Majlis Bicara Hal Ehwal Islam yang dihadiri oleh

pegawai, pelajar dan pegawai swasta Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia di sini malam tadi.

Sebelum itu, Dr. Abdullah mengadakan pertemuan dengan Menteri Agama Republik Indonesia, Maftuh Basyuni bagi menjemput beliau dan pegawai kanan Jabatan Agama Indonesia ke mesyuarat Mabim itu.

Menurut beliau, mesyuarat dua tahun sekali itu antara lain akan membincangkan isu semasa agama Islam di nusantara termasuk pen-

tadbiran agama, zakat, wakaf dan haji mengikut pengalaman negara masing-masing.

Mesyuarat bertemakan 'Memperkasakan Ummah Melalui Modal Insan' itu turut membentangkan kertas kerja dari empat negara anggota Mabim.

Kata beliau, banyak negara luar termasuk yang penduduknya minoriti orang Islam mencontohi Malaysia dalam mengurus pentadbiran agama, keberkesanan Tabung Haji dan pengurusan tanah wakaf.

Beliau memberi contoh, India yang mempunyai minoriti penduduk Islam sedang mewujudkan agensi seperti Tabung Haji dalam menguruskan jemaah dan pelaburan.

"Negara lain seperti Bosnia, Afrika Selatan pula tertarik dengan pentadbiran Jabatan Kemaman Islam Malaysia dan keunikan pentadbiran agama negeri sedangkan Malaysia mempunyai penduduk pelbagai kaum," katanya.

-Utusan